



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

---

Jil. 65  
Bil. 25

**14hb Disember 2012**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

---

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Bil. 34 Tahun 1960)

**No. 2347.**

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Projek Tapak Pejabat Pelajaran Kuala Kangsar, Mukim Sayung, Daerah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan, Tingkat 4, Bangunan KWSP, Jalan Greentown Ipoh, Kinta Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

## JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Sayung.

(Pengisytiharan Seksyen 4)

- (a) Tujuan Pengambilan: Projek Tapak Pejabat Pelajaran Kuala Kangsar, Mukim Sayung, Daerah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.
- (b) Butiran Tanah:

Bil.	No. Lot	Mukim	Daerah/Jajahan
1.	90	Sayung	Kuala Kangsar

Bertarikh 14 Disember 2012  
[PTG.Pk. 177/11-46(C)]

DATO' SYED MOKHTAR BIN SYED IDRIS  
*Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Perak*

Hakcipta Pencetak<sup>®</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA